

PENCEGAHAN JENAYAH MELALUI REKA BENTUK SUSUNATUR
PERUMAHAN, KAJIAN KES: TAMAN UNGKU TUN AMINAH DAN TAMAN
MUTIARA RINI, SKUDAI.

LAI SIN YEE

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

NOVEMBER 2006

ABSTRAK

Peningkatan kadar jenayah secara mendadak di Malaysia telah membangkitkan kesedaran terhadap kepentingan keselamatan dalam kehidupan masyarakat. Pelbagai pendekatan telah dikemukakan untuk mencegah jenayah termasuk bidang perundangan, sosial, dan psikologi. Dalam bidang perancangan bandar pula, keselamatan dan perasaan selamat dipercayai dapat dipupuk melalui persekitaran fizikal yang baik. Ia dicapai dengan menutup peluang penjenayah melakukan jenayah. Program pencegahan jenayah melalui reka bentuk persekitaran telah lama dilaksanakan dan turut mendapat hasil yang menggalakkan di negara Barat. Kebanyakan usaha yang dilaksanakan adalah bermula di kawasan kejiranan kerana ia merupakan elemen yang paling asas dalam kehidupan manusia. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Semenanjung Malaysia turut mengambil inisiatif untuk melaksanakan program bandar selamat di seluruh negara. 23 langkah pencegahan jenayah telah dikemukakan, salah satu langkah adalah menghasilkan garis panduan reka bentuk persekitaran demi pencegahan jenayah. Perancang bandar berperanan penting dalam penyediaan pelan susunatur ke arah pencapaian reka bentuk persekitaran yang selamat. Selari dengan perkembangan ini, pengkaji berhasrat untuk mengenal pasti reka bentuk susunatur yang dapat mengurangkan kegiatan jenayah di kawasan perumahan. Kawasan kajian adalah Taman Ungku Tun Aminah dan Taman Mutiara Rini, Skudai. Kaedah penghuraian dan perbandingan telah digunakan dalam peringkat analisis. Corak kegiatan jenayah di kawasan perumahan, perilaku sosial dan ciri-ciri reka bentuk bandar adalah aspek-aspek utama yang dikaji dalam penyelidikan ini. Hasil analisis menunjukkan bahawa jenayah yang kerap berlaku di kawasan perumahan adalah kes pecah rumah dan kes ragut. Kecenderungan kegiatan jenayah berlaku didapati dipengaruhi oleh semangat komuniti dan semangat bermilik penghuni. Ia dapat dipupuk melalui identiti sosial, aktiviti sosial dan interaksi sosial di kalangan penghuni. Ciri-ciri reka bentuk termasuk kedaerahan, pengawasan, kemudahsampaian dan guna tanah bercampur serta definisi ruang mengurangkan kecenderungan jenayah berlaku melalui pembentukan semangat komuniti dan semangat bermilik. Di akhir penyelidikan, reka bentuk susunatur yang dapat mengurangkan kegiatan jenayah di dalam unit kejiranan, sub kejiranan dan pembentukan ruang kejiranan telah dirumuskan.

ABSTRACT

An increase in level of crime in Malaysia has brought to the awareness of the importance of safe environment in social living. Several approaches had been adopted to prevent crime including through the angle of law, social and psychological. From town planning perspective, good physical environment, is a requisite in creating safety and sense of security. It may be achieved by reducing the opportunity for potential offenders to commit crime. Crime Prevention through Environmental Design programme had been implemented in western countries and gained positive results. Most of these efforts began at neighbourhood scale because distinctively is the basic entity of human living. In Malaysia, the Federal Town and Country Planning Malaysia takes the initiative to implement Safe City programme throughout the country. Initiating 23 crime prevention programmes, one of the initiatives is to prepare guidelines on crime prevention through environmental design. In this case, one of the town planners' roles is to prepare better layout and physical environment. In tandem with the idea, the researcher makes an attempt to define appropriate housing layout design with the aim to reduce crime. Two housing areas in Skudai are used as case studies; Taman Ungku Tun Aminah and Taman Mutiara Rini. Descriptive and comparison methods had been used to analyse data. From the findings, the crimes regularly occur in study areas are burglary and robbery. The study also established that the sense of community and sense of belonging influence greatly the probability of crime to occur. In addition, the factors of social identity, activity and interaction influence the phenomena. Crime prevention through urban design characteristics including territoriality, natural surveillance, walkability, mix uses and the meaning of space greatly contribute towards community awareness and concerns among residents. As a result of this study, the researcher proposed recommendations on crime prevention layout design in community areas, sub community areas including emphasis on community spaces.